

OIC perlu sedia hantar pengaman

BH- 11/3/2006

JERTIH: Anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) perlu membuat persediaan awal untuk menghantar tentera pengaman ke Lubnan apabila gencatan senjata dilaksanakan kelak, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri berkata, selain mendesak Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) melaksanakan gencatan senjata, anggota OIC perlu menyediakan pasukan yang boleh dikerah segera ke kawasan bergolak.

"Insyallah pada persidangan 13 negara OIC, termasuk negara yang menganggotai Jawatankuasa Mak-

kah, Khamis ini, kita dapat membuat sesuatu keputusan," katanya pada sidang media selepas merasmikan Majlis Pecah Tanah Universiti Darul Iman Malaysia (UDM) di Kampung Dendong, Besut, dekat sini, semalam.

Turut hadir, Menteri Besar, Datuk Seri Idris Jusoh; Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed dan Pengerusi Lembaga Pengarah UDM, Datuk Mohd Azlan Hashim.

Abdullah yang juga Pengerusi OIC berkata, pertubuhan itu terpaksa menunggu Liga Arab mengadakan mesyuarat terlebih dulu tetapi persidangan itu tidak mencapai kejayaan seperti diharapkan.

“*Insyallah pada persidangan 13 negara OIC Khamis ini, kita dapat membuat sesuatu keputusan”*

**Abdullah
Ahmad Badawi**
Perdana Menteri

Mengenai saranan supaya negara Islam memboikot produk Amerika Syarikat (AS) dan Britain yang menjadi sekutu kuat Israel, Perdana Menteri berkata: "Kita perlu fikir habis-habis mengenai apa yang hendak dilakukan. Jangan cakap besar, lepas tu... kita jadi teruk, kita kena undur pula."

"Kita perlu fikir, jangan hentam ikut suka saja."

Beliau turut kesal pembunuhan berterusan orang awam terutama kanak-kanak oleh tentera Yahudi.

Abdullah berkata, keganasan akan berterusan selagi gencatan senjata tidak dikuatkuasakan.